



Masalah Ratib Hadiah Kepada si Mati

Ali bin Yusof, Sekolah Melayu Bitara Kuala

Terengganu, bertanya:

“Di tempat saya sekarang sibuk bertelingkah faham berkenaan dengan ratib hadiah kepada si mati, iaitu ada yang mengatakan jika sekiranya diberi makan sebarang makanan kepada orang-orang yang hadir meratib di rumah si mati maka pahala ratib itu tak samapai kepada si mati bahkan haram pula, tetapi ada sesetengahnya mengatakan tak mengapa dan sunat semata-mata. Maka manakah sebenarnya? Dan di manakah boleh didapati kebenaran-kebenaran itu?”

Jawab: Asas agama Islam ialah al-Qurā'n, al-hadīth dan ijmāk ṣahābat yakni dalam perkara-perkara yang mengenai ibadat seseorang itu tidak boleh mengurangkan atau menambah apa yang telah ditentukan oleh al-Qurā'n, al-hadīth dan ijmāk ṣahābat yakni perkara yang telah ditunjukkan dengan sahih oleh Rasulullah (SAW).

Adapun berkenaan dengan member makan (sambil beratib) yang lazim disebut bertahlil atau seumpamanya itu tidak ada dibuat pada zaman Rasulullah (SAW) atau pada zaman ṣahābat-ṣahābat dan sudah terang tidak ada faedahnya bagi si mati kerana Tuhan berfirman (maksudnya) “Seseorang itu tidak akan dapat selain daripada apa yang diusahakannya”. Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya “Apabila seseorang anak Adam mati maka putus segala amalnya dikecualikan tiga: (1) sedekah jariah, (2) anak yang soleh yang mendoakan ibu bapanya dan (3) ilmu yang memberi

manfaat kepadanya. Daripada keterangan ini maka sudah terang selain daripada mengadakan barang yang tidak dibuat oleh Rasulullah maka tidak ada pula manfaatnya kerana apa jua pun bagi si mati itu tidak ada faedah baginya selain tiga perkara yang tersebut yang sudah tentu ia tidak akan dapat melainkan dengan usahanya sendiri- ia tidak mendapat bahagian dari sedekah jariah jika tidak masa hidupnya ia membuat demikian, dan ia tidak mendapat anak yang soleh yang mendoakannya jika ia tidak memimpin dan mendidik anak-anak itu menjadi soleh, dan ia tidak mendapat sesuatu kalau masa hidupnya ia tidak menyebarkan ilmu, mengembangkan ilmu, mengajar menulis dan seumpamanya yang kesan-kesannya tertinggal di belakang dan daripada peninggalannya itulah ia akan mendapat apa-apa yang telah dibuatnya. Selain daripada itu tidak ada.

Hal-hal yang seperti ini telah diperadatkan oleh orang kita dan dikatakan pula sunat pada hal sunat itu ialah mengikut apa-apa yang telah diajar oleh Nabi kita Muhammad (SAW) bukan mengadakan barang yang tidak ada atau menambah perkara yang tidak ada.

* * *

‘Uthman bin Hj. Kasim, Sekolah Melayu batu 18, Jalan Sungai Tiram, Johor Bharu (anggota Ikhwan 1707), bertanya: Bagaimana pendapat tuan jika ada seseorang Islam yang mengatakan begini: “Kalau agama sahaja kita beratkan kita susah.” Harap tuan terangkan bagaimana hukumnya?

Jawab: Bagi seseorang Islam yang beriman dan cukup imannya apabila diseru kepada jalan Allah maka tidak lain sambutnya melainkan *sami'nā wa aṭa'na* (kami dengar dan kami taat). Bagi seseorang Islam yang lebih utama baginya ialah agama dan tidak lebih dari itu. Kalau seseorang hidup dengan pengertian agama yang sebenar-benarnya

maka ia memberatkan kerja-kerja yang disuruh oleh agama maka percayalah orang itu tidak akan susah dan ia akan sentiasa hidup berbahagia. Sebabnya kami katakan demikian tidak lain kerana erti agama itu bukanlah hanya tertentu kepada ibadat semata-mata tetapi ialah suatu pengertian atau fahaman yang tatkala beribadat, tatkala menyembah Tuhan maka ia seakan-akan mati esok tetapi tatkala mencari keduniaan maka ia seperti orang yang akan hidup untuk selamanya kekal abadi- tidak akan mati lagi. Di dalam pelajaran hidupnya ia berpandu kepada ajaran-ajaran al-Qurā'n , menjauhkan segala kejahatan dan melakukan segala kebaikan. Apakah dengan cara itu hidup seseorang akan menjadi susah?

Menurut pengertian kita hanya orang-orang yang tidak beriman dan tidak mengerti ajaran Islam yang akan mengatakan “kalau agama sahaja kita beratkan, hidup susah”. Dan ini tentulah terpulung kepada tuan diri sendiri mengukurnya. Apakah kedudukan orang-orang yang tidak berkeyakinan kepada agamanya.

* * *

M. Said bin Shafie, anggota Ikhwan No. 12

Merbau Kodiang, Sungai Dua, Seberang Prai, bertanya: Apakah boleh atau tidak sembahyang fardhu zohor selepas atau mengiringi sembahyang fardhu Jumaat jika sempurna atau lebih daripada 40 orang mukalaf yang tetap kedudukannya (mastautin)?

Jawab: Masalah ini sudah kerap kali ditulis dalam majalah ini. Rasulullah *ṣallāllahu 'alāihi wasalam* tidak pernah mengadakan sembahyang fardhu zohor selepas sembahyang fardhu Jumaat sekalipun Jumaat itu tidak cukup 40 orang.

Keterangan-keterangan dalam pekara ini kalau kami tidak khilaf telah banyak kami huraikan dalam majalah ini dan jika sekiranya ada mereka yang mengharuskan sembahyang fardhu zohor sesudah sembahyang fardhu Jumaat dan ada pula menentukan sembahyang kurang daripada 40 orang berjemaah

itu tidak sah mintalah kami keterangan-keterangan yang beralasan al-Qur'ānm al-hadīth dan ijmak sahabat.

Kami berharap dengan keterangan ini mudah-mudahan penanya berpuas hati.

* * *

Abdul Karim bin Din, Simpang Tiga Selinsing, Bagan Serai, bertanya: Apakah hukumnya seseorang yang Dibunuh oleh kerajaan negerinya kerana kesalahannya?

Jawab: Tiap-tiap sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang boleh dihukum dengan hukuman bunuh apabila bersesuaian dengan hukum-hukum negeri itu. Jika negeri ini negeri Islam maka sudah terang bahawa Islam juga akan menghukum bunuh kepada orang-orang yang melakukan pembunuhan mengikut hukum-hukum yang ditentukan kerananya. Ini ialah hukum di dunia tentang hukum di akhirat nanti adalah di dalam kekuasaan Tuhan.



Tuan Muhamad Sodiq (berjanggut) ketua kaum Qadyani kelihatan sedang bercakap. Gambar ini diambil di rumah Jami'yah al-Dakwah al-Islāmiyah Singapura baru-baru ini. Orang-orang Islam adalah Diingatkan supaya menjauhkan diri daripada ajaran Qadyani.